



## JADUAL (SEKSYEN 3)

### Penyakit-penyakit yang dilarang dalam iklan:

1. Penyakit atau kecacatan buah pinggang
2. Penyakit atau kecacatan jantung
3. Kencing manis / diabetes
4. Epilepsi atau sawan (gila babi)
5. Kelumpuhan
6. Tibi / Batuk Kering
7. Asma (lelah)
8. Kusta
9. Kanser / Barah
10. Pekak
11. Ketagihan dadah
12. Hernia
13. Penyakit mata
14. Tekanan darah tinggi / hipertensi
15. Sakit mental / otak
16. Kemandulan
17. Kedinginan Seksual
18. Lemah fungsi seksual atau impoten
19. Penyakit Kelamin
20. Lemah urat saraf atau aduan atau kelemahan lain, timbul daripada atau berhubung dengan perhubungan seks.



## HUKUMAN

1. Bagi kesalahan mengiklan apa-apa iklan yang dilarang:

#### Sabiton kali pertama:

Denda maksima RM3,000.00 dan /atau 1 tahun penjara.

#### Sabiton yang berikutnya:

Denda maksima RM5,000.00 dan /atau 2 tahun penjara.

2. Bagi kesalahan tidak mematuhi keperluan pelabelan:

#### Sabiton kali pertama:


Denda maksima RM1,000.00

#### Sabiton yang berikutnya:

Denda maksima RM2,000.00 dan /atau 6 bulan penjara.



# AKTA UBAT (Iklan Dan Penjualan) 1956



Diterbitkan oleh:  
CAWANGAN PENGUATKUASA FARMASI NEGERI MELAKA  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka  
Tingkat 3, Wisma Persekutuan,  
Jalan Business City, Bandar MITC,  
75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel: 06-2345979 / 06-2345980 Fax: 06-2345975

## Akta Ubat (Iklan Dan Penjualan) 1956

### TUJUAN AKTA

- Mencegah atau melarang iklan tertentu yang berkaitan dengan hal-hal perubatan.
- Mengawal penjualan bahan-bahan yang disyorkan sebagai ubat.

### DEFINISI "IKLAN"

Sebarang notis, pekilifing, laporan, ulasan, label, pembungkus / dokumen lain dan sebarang pengumuman secara lisan atau dengan cara yang menghasilkan / memancarkan cahaya / bunyi.

### IKLAN YANG DILARANGKAN

1. Sebarang iklan yang merujuk kepada apa-apa benda yang boleh membawa kepada penggunaan benda tersebut sebagai ubat, alat, atau remedi bagi tujuan:-
  - Pencegahan atau rawatan atau diagnosis penyakit dan keadaan manusia seperti yang dinyatakan dalam jadual (Seksyen 3)
  - Mengamalkan kontrasepsi (pencegahan kehamilan) di kalangan manusia.
  - Meningkatkan keadaan / fungsi buah pinggang atau jantung, atau meningkatkan fungsi / keupayaan seksual manusia.
  - Pengguguran bayi dalam kandungan

2 Sebarang iklan yang merujuk kepada apa-apa kemahiran atau perkhidmatan yang dapat mendorong / mempelawa orang ramai untuk mendapatkan nasihat pengiklan berkaitan dengan rawatan / pencegahan/diagnosis apa-apa penyakit, kecederaan, kelemahan atau keadaan yang melibatkan tubuh manusia.

### IKLAN YANG DIBENARKAN :

- Iklan produk ubat berdaftar
- Iklan kemahiran atau perkhidmatan yang berkaitan dengan rawatan / pencegahan / diagnosis penyakit atau keadaan tubuh manusia oleh hospital / klinik / radiologi klinik / makmal perubatan swasta

Dengan syarat mendapat kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat (LIU)

### KAWALAN KE ATAS LABEL UBAT

Sampel ubat dan ubat yang dijual secara runcit, atau bekasnya\* hendaklah diabelkan dengan perkara-perkara berikut:

- Kandungan bahan aktif (ramuan yang disebatkan)
- Kuantiti setiap ramuan (sama ada bentuk, peratus, berat dan sebagainya.)
- \* Pembalut juga dianggap sebagai satu bekas.



## CONTOH-CONTOH IKLAN TANPA KELULUSAN ATAU DILARANGKAN:



Iklan Ubat-Ubatan



Iklan Makanan

